

Mahathir - Saham '''

SHAH ALAM, 16 Julai (Bernama) -- Kerajaan akan mengambil tindakan ke atas sesiapa sahaja yang terlibat dalam urusan sahaja menggunakan maklumat dalaman, tanpa mengira sama ada ia tokoh penting, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Perdana Menteri berkata, dalam perkara seperti itu, tiada pihak yang dianggap +tokoh penting.+

+Tidak ada tokoh penting dalam hal ini... yang ada siapa buat salah dan tak buat salah,+ katanya kepada pemberita selepas melancarkan Akademi Saga di kawasan perindustrian HICOM di sini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayob baru-baru ini berkata Pendaftar Syarikat sedang menyiasat beberapa orang tertentu yang didakwa terlibat dalam kegiatan itu.

Urusniaga dalaman atau +insider trading+ bermakna penggunaan maklumat dalaman untuk mengurusniaga saham bagi kepentingan diri sendiri. Ia merupakan satu kesalahan mengikut Akta Industri Sekuriti yang jika sabit kesalahan boleh didenda atau dipenjarakan tiga tahun atau kedua-duanya sekali. -- Lagi.

♥16/07/17-25MST

Mahathir - Saham 2 Shah Alam '''

Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu sama ada terdapat tokoh korporat atau personaliti tertentu terlibat dalam kegiatan itu, dan sama ada beberapa orang tertentu yang didakwa terbabit dalam kegiatan tersebut melakukannya kerana kepentingan peribadi.

+Mereka mungkin melibatkan diri di atas kepentingan peribadi... saya tidak tahu,+ katanya.

Katanya, beliau juga telah menyerahkan kepada Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membuat keputusan sama ada menyediakan satu laporan mengenai siasatan itu.

+Hal ini (ialah) di bawah tanggungjawab dia... terpulang kepada dia sama ada nak sediakan satu laporan atau tidak dan sama ada nak serahkan kepada kabinet atau tidak,+ katanya.

Perdana Menteri menafikan bahawa UMNO mempunyai kaitan dengan syarikat Renong Bhd, satu daripada tiga syarikat yang tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur yang dikatakan sedang disiasat oleh Pendaftar Syarikat berkaitan penglibatan dalam urusan sahaja itu. -- Lagi.

♥16/07/17-36MST

Mahathir - Saham 3 Shah Alam '''

Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu mengenai kemungkinan beberapa pemilik saham dalam Renong menjadi nomini UMNO.

+Saya tak tahu mengenai hal itu dan saya tak pasti sama ada mereka nomini atau bukan nomini UMNO. Sepanjang yang saya tahu, tiada hubungan antara UMNO dan Renong.

Renong mungkin ada hubungan dengan beberapa personaliti dalam UMNO tetapi ia bukanlah syarikat UMNO,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, beliau tidak tahu sama ada Renong telah membeli aset-aset kepunyaan UMNO lama tahun lepas seperti yang dilaporkan itu.

+Sepanjang yang saya tahu, aset UMNO semuanya berada dalam tangan Pemegang Amanah Raya. Kalau aset itu nak dijual, kita tak boleh tahan kerana kita tidak ada hak untuk tentukan perkara itu,+ katanya. -- Bernama.